

# Pengajaran Tarannum dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah

## *Teaching Tarannum Among Islamic Education Teachers in Elementary Schools*

Noor Hafzam Kamarudin<sup>1</sup>, \*Khadijah Abdul Razak<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

\*hafzamkamarudin@gmail.com<sup>1</sup>, khadijah.razak@ukm.edu.my<sup>2</sup>

\*Corresponding author

*Received: 13 March 2023, Accepted: 31 March 2023, Published: 1 April 2023*

### ABSTRAK

Al-Quran adalah keajaiban dari Allah SWT yang amat bernilai kepada manusia dari segi bahasa, sejarah, dan peradaban, serta nilai-nilai yang boleh diperoleh daripada kandungannya. Terdapat usaha berterusan yang dijalankan secara tidak formal melalui kelas pembelajaran tarannum yang dikendalikan oleh guru-guru pendidikan Islam. Justeru, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah. Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik dan melibatkan 62 orang guru-guru pendidikan Islam daripada 24 buah sekolah rendah di dalam Daerah Perak Tengah. Kajian ini menumpukan perhatian kepada amalan pengajaran ilmu tarannum berdasarkan model pengajaran yang dicadangkan oleh al-Qabisi. Tahap amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah pula dianalisa secara statistik deskriptif menggunakan skor min dan statistik inferensi varians (ANOVA). Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam adalah pada tahap yang tinggi. Semua faktor amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah yang merangkumi matlamat pengajaran, objektif pengajaran, kaedah pengajaran, teknik pengajaran, alat bantu pengajaran dan penilaian pengajaran mencatatkan tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Kajian ini juga mengesahkan model amalan pengajaran al-Quran yang diperkenalkan oleh al-Qabisi sebagai asas kepada pengukuhan amalan pengajaran ilmu tarannum bagi guru-guru pendidikan Islam di sekolah rendah.

**Kata Kunci:** Al- Quran, Tarannum, Guru Pendidikan Islam, Sekolah Rendah, Pengalaman Mengajar, Al-Qabisi

### ABSTRACT

*The Quran is a miracle from Allah SWT that is very valuable to humans in terms of language, history, and civilization, as well as its values. There is an ongoing effort that is carried out informally through tarannum learning classes run by Islamic education teachers. Therefore, the purpose of this study is to evaluate the tarannum teaching practice among Islamic education teachers in primary schools. This quantitative study was conducted using a questionnaire and involving 62 Islamic education teachers from 24 primary schools in the Perak Tengah District. This study focuses on the practice of teaching tarannum knowledge based on the teaching model proposed by al-Qabisi. The level of teaching practice of tarannum among Islamic education teachers was analyzed using the mean score and variance inference statistics (ANOVA). Overall, the data analysis shows that the practice of teaching tarannum among Islamic education teachers is at a high level. All factors of the practice of teaching tarannum knowledge among Islamic education teachers in primary schools, which include teaching goals, teaching objectives, teaching methods, teaching techniques, teaching aids, and teaching evaluation,*

*recorded a high level. The findings of the study also show that there is no significant difference in the level of teaching practice among Islamic education teachers in primary schools based on their teaching experience. This study also confirms the practice model of al-Quran teaching introduced by al-Qabisi as a basis for strengthening the practice of teaching tarannum knowledge for Islamic education teachers in primary schools.*

**Keywords:** *Al-Quran, Tarannum, Islamic Education Teacher, Elementary School, Teaching Experience, Al-Qabisi*



eISSN: 2550-214X © 2023. Published for Ideology Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution – Non Commercial – No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

## 1. PENGENALAN

al-Quran adalah kalamullah yang mengandungi mukjizat yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW dan diturunkan melalui perantaraan Jibril a.s.. Pada zaman sahabat baginda, al-Quran telah ditulis ke dalam mashaf, dipindahkan kepada kita secara mutawatir dan menjadi ibadat dengan membacanya. Tidak dapat dinafikan bahawa al-Quran adalah keajaiban dari Allah SWT yang amat bernilai kepada manusia dari segi bahasa, sejarah, dan peradaban, serta nilai-nilai yang boleh diperoleh daripada kandungannya. Matlamat utamanya adalah untuk menjadikan al-Quran sebagai panduan mewujudkan peribadi muslim yang berjaya di dunia dan juga akhirat (Abidin et al., 2020).

Justeru, membaca ayat-ayat suci al-Quran dengan suara yang sopan sambil menghayati kandungannya diharapkan dapat memberi penghayatan kepada pembaca dan pendengar. Salah satu usaha meningkatkan penghayatan kepada al-Quran adalah melalui tarannum. Amalan membaca Al-Quran secara bertarannum masih lagi dianggap baru di Malaysia. Namun, terdapat usaha berterusan yang dijalankan secara tidak formal melalui kelas pembelajaran tarannum ini. Usaha ini bermatlamat untuk memulihara dan memelihara ilmu tarannum daripada hilang ditelan zaman dalam masyarakat Islam (Muhamad Nasir Mohamad Salleh, Zaharah Hussin, & Mohd Faisal Mohamed, 2020; Nurul Auji Hasbullah, Ahmad Sanusi Azmi, Adnan Mohamed Yusoff, & Norasikin Fabil, 2020).


Kemahiran tarannum al-Quran merupakan seni bacaan berlagu yang memerlukan kepada kefahaman dan penguasaan ayat (Sedek Ariffin, Sedek Ariffin, & Zulkifli Mohd Yusoff, 2017). Amalan bertarannum ini telah pun menjadi kebiasaan di kebanyakan sekolah-sekolah di Malaysia. Terdapat pelbagai bentuk platform dan aktiviti dijalankan bagi memupuk minat dan kecintaan kepada amalan membaca Al-Quran melalui bertarannum. Sebagai contoh, pertandingan tarannum peringkat sekolah, daerah dan negeri. Guru-guru pendidikan Islam kebiasaannya akan menggalas tugas sebagai mentor, tenaga pengajar dan juga jurulatih tarannum kepada pelajar yang masuk bertanding.

Sudah tentu, guru pendidikan Islam yang terlibat perlu mempunyai keupayaan dan kelayakan sama ada dari aspek keperibadian, pengetahuan, agama dan pengajaran dalam memberikan pendidikan yang berkesan sehingga berupaya melahirkan generasi celik al-Quran (Zetty Nurzuliana Rashed et al., 2015). Oleh itu, inisiatif tenaga pengajar, khususnya guru pendidikan Islam melalui latihan dan kaedah pengajaran yang bersesuaian mampu menghasilkan impak seperti yang dikehendaki. Sudah pasti, dorongan dan galakan berterusan daripada guru sebagai pembimbing sepanjang membuat persiapan dan dalam pertandingan adalah sangat diperlukan. Dalam konteks bimbingan tarannum, guru perlu mempunyai kemahiran bertarannum yang bersesuaian memandangkan terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang boleh dilaksanakan (Muhamad Nasir Mohamad Salleh et al., 2020). Justeru, ia bertepatan dengan kenyataan Ramli dan Ab Gani (2022), kesenian haruslah bergerak seiring dengan hal praktis dan penyelidikan yang sistematik.

## 2. PERNYATAAN MASALAH

Kaedah pembelajaran yang dilaksanakan di dalam kelas didapati kurang memberi kesan terhadap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid walaupun mereka telah diajar selama enam tahun di peringkat sekolah rendah. Ini kerana guru menghadapi masalah kefahaman tentang pedagogi yang bersesuaian dalam pengajaran ilmu tarannum bagi membuat persediaan pertandingan MTQ. Dapatan kajian Maimun Aqsha Lubis et al. (2011) menunjukkan tahap kemahiran dan keupayaan bertarannum adalah sederhana bermasalah. Guru pendidikan Islam masih memerlukan sokongan dan bantuan pada tahap yang tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Terkini, kajian juga mendapati terdapat segelintir guru yang tidak mempunyai berkemahiran yang mencukupi untuk mengajar kurikulum Al-Quran termasuklah tarannum (Khairul Latif, Jimaain, Azmi Jasmi, & Bharu, 2020) serta memanfaatkan alat bantu pengajaran yang bersesuaian (Sharil, Daud, & Shahrudin, 2022). Jelas, terdapat keperluan untuk mengenalpasti tahap amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah. Justeru, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan model pengajaran al-Quran yang diperkenalkan oleh Al-Qabisi (1955) dan dikembangkan oleh Muhamad Nasir Mohamad Salleh, Zaharah Hussin dan Mohd Faisal Mohamed (2020) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1. Model Pengajaran Al-Quran Al-Qabisi (1955)

## 3. METODOLOGI

Secara umumnya, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Menurut Roger Watson (2015), penyelidikan kuantitatif merangkumi pelbagai kaedah yang berkaitan dengan penyelidikan sistematik fenomena sosial, menggunakan data statistik atau berangka. Oleh itu, penyelidikan kuantitatif melibatkan pengukuran dan mengandaikan bahawa fenomena yang dikaji boleh diukur. Menurut Roopa dan Rani (2012), soal selidik sering digunakan dalam penyelidikan kuantitatif sains sosial. Kriteria persampelan dikenal pasti berdasarkan kepada jumlah populasi kajian yang berjumlah 110 orang guru pendidikan Islam di sekitar Bota, dalam daerah Perak Tengah, Perak.

Kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah dan saiz sampel kajian ditentukan menggunakan *Raosoft – Sample size calculator*. Persampelan rawak mudah merupakan kaedah persampelan asas dan digunakan secara meluas dalam kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Keputusan yang diperolehi berdasarkan populasi yang telah dikenal pasti menunjukkan saiz sampel minima yang diperlukan adalah seramai 61 orang dengan tahap keyakinan sebanyak 75%. Kajian ini melibatkan 62 guru Pendidikan Islam di daerah Perak Tengah sebagai sampel kajian. Data-data statistik yang diperolehi daripada sampel kajian ini kemudiannya akan dianalisa secara gabungan deskriptif (skor min) dan secara inferensi (analisa varian sehala - ANOVA) menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Keputusan ujian-ujian statistik seterusnya akan memberi kesimpulan terhadap ciri-ciri populasi kajian. Justeru, bagi tujuan interpretasi skor daripada analisa data yang diperolehi, jadual interpretasi min tingkah laku afektif (Nunnally & Bernstein, 1978) adalah dirujuk. Jadual 1 di bawah menunjukkan interpretasi skor min untuk menghuraikan analisis deskriptif dalam kajian ini.

**Jadual 1.** Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.01 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

#### 4. DAPATAN KAJIAN

Analisa deskriptif kekerapan dijalankan untuk mendapatkan data demografik lengkap responden yang terlibat dalam menjawab soal selidik ini. Maklumat demografik responden yang menjawab soal selidik ini terdiri daripada beberapa kategori, khususnya umur, jantina, kelayakan akademik, kemahiran dan pengalaman mengajar. Sejumlah 62 responden yang terdiri dari kalangan guru pendidikan Islam di Daerah Perak Tengah, Perak, telah menjawab instrumen soal selidik yang telah diedarkan. Butiran lengkap berkenaan jumlah pemerolehan data dari soal selidik yang telah dijawab sepenuhnya dipaparkan dalam Jadual 2 di bawah. Majoriti responden adalah dalam lingkungan umur 41-50 tahun dan 31-40 tahun, dengan masing-masing sebanyak 43.5 peratus berbanding 38.7 peratus.

**Jadual 2.** Data demografik responden

Profil Responden	Frekuensi	Peratus (%)	
Umur	31 - 40 tahun	24	38.7
	41 - 50 tahun	27	43.5
	>51 tahun	11	17.7
Jantina	Lelaki	16	25.8
	Perempuan	46	74.2
Akademik	SPM/STPM/Sijil	2	3.2
	Diploma	5	8.1
	Ijazah Sarjana Muda (Degree)	55	88.7
Kemahiran Tarannum	Tinggi	2	3.2
	Sederhana	21	33.9
	Rendah	21	33.9
	Sangat Rendah	18	29.0
Pengalaman	<1 Tahun	1	1.6
	4 – 6 Tahun	1	1.6
	7 – 9 Tahun	13	21.0
	>10 Tahun	47	75.8

Seterusnya, dari segi jantina responden pula didominasi oleh perempuan dengan 74.2 peratus berbanding responden lelaki yang terlibat hanyalah sebanyak 25.8 peratus. Latar belakang akademik responden pula menunjukkan majoriti responden mempunyai kelayakan akademik Ijazah Sarjana Muda dengan jumlah sebanyak 88.7 peratus. Baki responden adalah dengan berkelayakan akademik Diploma

dan SPM/STPM/Sijil, masing-masing sebanyak 8.1 peratus dan 3.2 peratus sahaja. Seterusnya, responden perlu menyatakan tahap kemahiran ilmu tarannum secara rawak. Majoriti responden terdiri dari kalangan mereka yang mempunyai tahap kemahiran “sederhana” dan “rendah” dengan masing-masing sebanyak 33.9 peratus. Selain itu, responden yang mempunyai tahap kemahiran “sangat rendah” juga menunjukkan kekerapan kedua tertinggi dengan nilai peratusan sebanyak 29 peratus. Jelas sekali, dapat disimpulkan bahawa data yang diperolehi ini menunjukkan responden terdiri dari kalangan guru yang memiliki tahap kemahiran asas yang “rendah” dan “sangat rendah”.

Data demografik seterusnya pula mengukur tempoh pengalaman mengajar di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada kalangan guru pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun dengan peratusan sebanyak 75.8 peratus. Manakala, nilai terendah adalah guru yang mempunyai pengalaman sebanyak kurang daripada 1 tahun dan pengalaman selama 4-6 tahun dengan masing-masing sebanyak 1.6 peratus. Secara keseluruhannya, data demografik yang diperolehi ini dapat memberikan petunjuk bahawa majoriti responden adalah dari kalangan guru pendidikan Islam yang mempunyai kemahiran yang agak rendah walaupun mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun di sekolah.

#### 4.1 Tahap Amalan Pengajaran Ilmu Tarannum

Analisa statistik deskriptif ini bertujuan untuk menjelaskan analisis data yang diperolehi berdasarkan kepada min dan sisihan piawaiannya. Hasil kajian ini dapat menjelaskan amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah yang merangkumi enam faktor utama iaitu, matlamat pengajaran, objektif pengajaran, teknik pengajaran, kaedah pengajaran, alat bantu pengajaran, dan penilaian pengajaran.

Hasil kajian menunjukkan matlamat pengajaran ilmu tarannum mendapat nilai min = 4.00 (sp = 0.739). Berdasarkan interpretasi skor min, matlamat pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berada pada tahap tinggi. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa matlamat utama pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah adalah untuk meningkatkan penguasaan kemahiran bacaan al-Quran. Sudah tentu, keutamaan matlamat pengajaran ilmu tarannum juga adalah untuk memelihara seni budaya Islam, membentuk akhlak mulia dan memahami agama dengan lebih sempurna.

Dapatan berkaitan objektif pengajaran ilmu tarannum menunjukkan min = 4.22 (sp = 0.650). Berdasarkan interpretasi skor min, objektif pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah juga berada pada tahap tinggi. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa objektif utama pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah adalah untuk meningkatkan penguasaan asas tarannum al-Quran dan meningkatkan penguasaan istilah asas tarannum. Selain itu, objektif utamanya adalah untuk menguasai tarannum melalui pembentukan aras kemahiran berfikir, sikap dan praktikal.

Dapatan seterusnya berkaitan kaedah pengajaran ilmu tarannum turut menunjukkan nilai min berada pada tahap tinggi (min= 4.10, sp = 0.793). Hasil kajian mendapati bahawa kaedah utama pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah adalah dengan mengaplikasikan kaedah *talaqqi dan mushafahah*. Di samping itu, kaedah *tasmi'*, *takrar* dan *al-fah* juga diaplikasikan bagi meningkatkan keberkesanan amalan pengajaran ilmu tarannum di sekolah rendah.

Analisis seterusnya mendapati min teknik pengajaran ilmu tarannum ialah 4.23 (sp = 0.689) dan berada pada tahap tinggi. Dapatan menunjukkan bahawa teknik pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah adalah menggunakan teknik mendengar, mengalun, beransur dan perbincangan.

Hasil analisis skor min menunjukkan min alat bantu pengajaran ilmu tarannum ialah 4.21 (sp = 0.740) dan berada pada tahap tinggi. Kajian mendapati alat bantu utama pengajaran ilmu tarannum

dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah adalah dengan menggunakan mushaf al-Quran. Selain itu, guru turut menggunakan alat bantu pengajaran yang berasaskan teknologi seperti penggunaan laptop, projektor dan alat pembesar suara dalam meningkatkan kualiti dan keberkesanan pengajaran ilmu tarannum.

Dapatan berkaitan penilaian pengajaran ilmu tarannum turut berada pada tahap tinggi dengan min = 4.23 (sp = 0.738). Penilaian pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah di daerah Perak Tengah adalah melalui penilaian berterusan dan mendapatkan maklum balas pengajaran ilmu tarannum yang dilaksanakan. Selain itu, pemerhatian terhadap perubahan tingkah laku pelajar juga dilaksanakan secara berterusan. Justeru, tenaga pengajar boleh membuat kesimpulan pengajaran berdasarkan kepada prestasi semasa pelajar terlibat.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi (min = 4.17 dan sp = 0.725). Jadual 3 di bawah menunjukkan susunan faktor-faktor yang dinilai berdasarkan nilai skor min tertinggi dalam menentukan tahap amalan pengajaran ilmu tarannum. Faktor penilaian pengajaran (min = 4.23 dan sp = 0.738) dan teknik pengajaran (min = 4.23 dan sp = 0.689) mencatatkan nilai min yang tertinggi. Kemudian diikuti oleh kelompok kedua tertinggi yang melibatkan faktor objektif pengajaran (min = 4.22 dan sp = 0.650) dan alat bantu pengajaran (min = 4.21 dan sp = 0.740). Seterusnya, kelompok ketiga tertinggi melibatkan faktor kaedah pengajaran (min = 4.10 dan sp = 0.793) dan matlamat pengajaran (min = 4.00 dan sp = 0.739). Jelas, analisa statistik deskriptif ini menunjukkan bahawa tahap amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah adalah tinggi.

**Jadual 3.** Tahap Amalan Pengajaran Ilmu Tarannum

Bil	Faktor/Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Penilaian pengajaran	4.23	0.738	Tinggi
2	Teknik pengajaran	4.23	0.689	Tinggi
3	Objektif pengajaran	4.22	0.650	Tinggi
4	Alat bantu pengajaran	4.21	0.740	Tinggi
5	Kaedah pengajaran	4.10	0.793	Tinggi
6	Matlamat pengajaran	4.00	0.739	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.17</b>	<b>0.725</b>	<b>Tinggi</b>

## 4.2 Perbezaan Amalan Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Dalam kajian ini, analisa statistik inferensi digunakan untuk menjawab hipotesis nol kajian yang telah diwujudkan. Justeru, analisa varians sehala (ANOVA) digunakan untuk melihat dari aspek perbezaan amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar.

### 4.2.1 Perbezaan Matlamat Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

*H<sub>01</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan matlamat pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar.*

Jadual 4 menunjukkan perbezaan matlamat pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Berdasarkan analisis min, guru yang memiliki pengalaman mengajar antara 4 hingga 6 tahun mencatatkan min yang paling tinggi (min = 4.50 dan sp = 0.000) dan diikuti dengan guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara kurang 1 hingga (min = 4.25 dan sp = 0.000). Seterusnya, diikuti oleh guru yang berpengalaman mengajar lebih 10 tahun (3.98 dan sp = 0.805), dan guru yang mempunyai pengalaman 7 hingga 9 tahun (min = 3.96 dan sp = 0.386).

**Jadual 4.** Perbezaan Matlamat Pengajaran Ilmu Tarannum Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah	Pengalaman Mengajar	N	Min	Sisihan Piawai
Matlamat	Kurang 1 Tahun	1	4.25	0.000
	1 hingga 3 Tahun	0	0.00	0.000
	4 hingga 6 Tahun	1	4.50	0.000
	7 hingga 9 Tahun	13	3.96	0.386
	Lebih 10 Tahun	47	3.98	0.805
<b>Keseluruhan</b>		<b>62</b>	<b>3.99</b>	<b>0.740</b>

Jadual 5 di bawah menunjukkan analisis varians sehala matlamat pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar. Keputusan analisis dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan matlamat pengajaran ilmu tarannum berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai  $F = 0.724$ ,  $sig = 0.653$  ( $p > 0.05$ ). Ini menunjukkan hipotesis nol  $H_0$  gagal ditolak. Justeru itu, pengalaman mengajar yang dimiliki oleh seseorang guru pendidikan Islam tidak membezakan matlamat pengajaran ilmu tarannum di sekolah rendah.

**Jadual 5.** Analisa Varians Sehala Matlamat Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah (Matlamat)	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan, df	Min Kuasa Dua	F	Singifikan
Antara Kumpulan	1.287	4	0.429	0.724	0.653
Dalam Kumpulan	33.536	58	0.578		
Jumlah	34.823	62			

#### 4.2.2 Perbezaan Objektif Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

*Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan objektif pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar.*

Jadual 6 di bawah menunjukkan perbezaan objektif pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Berdasarkan analisis min, guru yang memiliki pengalaman mengajar antara 4 hingga 6 tahun dan kurang 1 tahun mencatatkan min yang paling tinggi dengan masing-masing mempunyai nilai min = 5.00 dan sp = 0.000. Kemudian, diikuti oleh guru yang mempunyai pengalaman mengajar 7 hingga 9 tahun (min = 4.26 dan sp = 0.452) dan guru yang berpengalaman mengajar lebih 10 tahun (4.18 dan sp = 0.691).

**Jadual 6.** Perbezaan Objektif Pengajaran Ilmu Tarannum Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah	Pengalaman Mengajar	N	Min	Sisihan Piawai
Objektif	Kurang 1 Tahun	1	5.00	0.000
	1 hingga 3 Tahun	0	0.000	0.000
	4 hingga 6 Tahun	1	5.00	0.000
	7 hingga 9 Tahun	13	4.26	0.452
	Lebih 10 Tahun	47	4.18	0.691
<b>Keseluruhan</b>		<b>62</b>	<b>4.22</b>	<b>0.650</b>

Jadual 7 pula menunjukkan analisis varians sehala objektif pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar. Keputusan analisis dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan objektif pengajaran ilmu tarannum berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai  $F = 1.044$ ,  $sig = 0.381$  ( $p > 0.05$ ). Ini menunjukkan hipotesis nol  $H_0$  gagal ditolak. Justeru itu, tida perbezaan pengalaman mengajar yang dimiliki oleh seseorang guru pendidikan Islam kepada objektif pengajaran ilmu tarannum di sekolah rendah.

**Jadual 7:** Analisa Varians Sehala Objektif Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah (Objektif)	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan, df	Min Kuasa Dua	F	Singifikan
Antara Kumpulan	1.329	4	0.443	1.044	0.381
Dalam Kumpulan	24.504	58	0.422		
Jumlah	25.833	62			

#### 4.2.3 Perbezaan Kaedah Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

*Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kaedah pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar.*

Jadual 8 di bawah menunjukkan perbezaan kaedah pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Berdasarkan analisis min, guru yang memiliki pengalaman mengajar kurang 1 tahun mencatatkan min yang paling tinggi (min = 5.00 dan sp = 0.000) dan diikuti oleh mereka yang berpengalaman mengajar 4 hingga 6 tahun (min = 4.50 dan sp = 0.000). Kemudian, diikuti oleh guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 10 tahun (min = 4.11 dan sp = 0.804) dan guru yang berpengalaman mengajar 7 hingga 9 tahun (min = 3.96 dan sp = 0.733).

**Jadual 8.** Perbezaan Kaedah Pengajaran Ilmu Tarannum Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah	Pengalaman Mengajar	N	Min	Sisihan Piawai
Kaedah	Kurang 1 Tahun	1	5.00	0.000
	1 hingga 3 Tahun	0	0.00	0.000
	4 hingga 6 Tahun	1	4.50	0.000
	7 hingga 9 Tahun	13	3.96	0.733
	Lebih 10 Tahun	47	4.11	0.804
	<b>Keseluruhan</b>	<b>62</b>	<b>4.10</b>	<b>0.793</b>

Jadual 9 menunjukkan analisis varians sehala kaedah pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar. Keputusan analisis dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kaedah pengajaran ilmu tarannum berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai  $F = 1.104$ ,  $\text{sig} = 0.360$  ( $p > 0.05$ ). Ini menunjukkan hipotesis nol  $Ho3$  gagal ditolak. Justeru itu, tiada perbezaan kaedah pengajaran ilmu tarannum di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar guru.

**Jadual 9.** Analisa Varians Sehala Kaedah Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah (Kaedah)	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan, df	Min Kuasa Dua	F	Singifikan
Antara Kumpulan	2.044	4	0.681	1.104	0.360
Dalam Kumpulan	36.387	58	0.627		
Jumlah	38.431	62			

#### 4.2.4 Perbezaan Teknik Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

*Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan teknik pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar.*

Jadual 10 di bawah menunjukkan perbezaan teknik pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Berdasarkan analisis min, guru yang memiliki pengalaman mengajar kurang 1 tahun mencatatkan min yang paling tinggi (min = 4.75



dan  $sp = 0.000$ ) dan diikuti oleh mereka yang berpengalaman mengajar 4 hingga 6 tahun ( $min = 4.50$  dan  $sp = 0.000$ ). Kemudian, diikuti oleh guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 10 tahun ( $min = 4.23$  dan  $sp = 0.752$ ) dan guru yang berpengalaman mengajar 7 hingga 9 tahun ( $min = 4.15$  dan  $sp = 0.376$ ).

**Jadual 10.** Perbezaan Teknik Pengajaran Ilmu Tarannum Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah	Pengalaman Mengajar	N	Min	Sisihan Piawai
Teknik	Kurang 1 Tahun	1	4.75	0.000
	1 hingga 3 Tahun	0	0.00	0.000
	4 hingga 6 Tahun	1	4.50	0.000
	7 hingga 9 Tahun	13	4.15	0.376
	Lebih 10 Tahun	47	4.23	0.752
<b>Keseluruhan</b>		<b>62</b>	<b>4.23</b>	<b>0.689</b>

Jadual 11 menunjukkan analisis varians sehala teknik pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar. Keputusan analisis dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan teknik pengajaran ilmu tarannum berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai  $F = 0.894$ ,  $sig = 0.455$  ( $p > 0.05$ ). Ini menunjukkan hipotesis nol  $H_0$  gagal ditolak. Justeru itu, pengalaman mengajar yang dimiliki oleh seseorang guru pendidikan Islam tidak memberikan kesan kepada teknik pengajaran ilmu tarannum di sekolah rendah.

**Jadual 11.** Analisa Varians Sehala Teknik Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah (Teknik)	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan, df	Min Kuasa Dua	F	Singifikan
Antara Kumpulan	1.254	4	0.418	0.894	0.455
Dalam Kumpulan	27.916	58	0.481		
Jumlah	29.169	62			

#### 4.2.5 Perbezaan Alat Bantu Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

***Ho5:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan alat bantu pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar.*

Jadual 12 di bawah menunjukkan perbezaan alat bantu pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Berdasarkan analisis min, guru yang memiliki pengalaman mengajar kurang 1 tahun mencatatkan min yang paling tinggi ( $min = 5.00$  dan  $sp = 0.000$ ) dan diikuti oleh mereka yang berpengalaman mengajar 7 hingga 9 tahun ( $min = 4.31$  dan  $sp = 0.565$ ). Kemudian, diikuti oleh guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 10 tahun ( $min = 4.17$  dan  $sp = 0.755$ ) dan guru yang berpengalaman mengajar 4 hingga 6 tahun ( $min = 4.15$  dan  $sp = 0.376$ ).

**Jadual 12.** Perbezaan Alat Bantu Pengajaran Ilmu Tarannum Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah	Pengalaman Mengajar	N	Min	Sisihan Piawai
Alat bantu	Kurang 1 Tahun	1	5.00	0.000
	1 hingga 3 Tahun	0	0.00	0.000
	4 hingga 6 Tahun	1	3.50	0.000
	7 hingga 9 Tahun	13	4.31	0.565
	Lebih 10 Tahun	47	4.17	0.775
<b>Keseluruhan</b>		<b>62</b>	<b>4.20</b>	<b>0.740</b>

Jadual 13 di bawah menunjukkan analisis varians sehala alat bantu pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar. Keputusan analisis dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan alat bantu pengajaran ilmu tarannum berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai  $F = 1.170$ ,  $\text{sig} = 0.349$  ( $p > 0.05$ ). Ini menunjukkan hipotesis nol  $H_0$  gagal ditolak. Justeru itu, kajian mendapati pengalaman mengajar yang dimiliki oleh seseorang guru pendidikan Islam tidak memberikan kesan kepada alat bantu pengajaran ilmu tarannum di sekolah rendah.

**Jadual 13.** Analisa Varians Sehala Alat Bantu Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah (Alat bantu)	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan, df	Min Kuasa Dua	F	Singifikan
Antara Kumpulan	1.902	4	0.634	1.170	0.349
Dalam Kumpulan	31.889	58	0.550		
Jumlah	33.790	62			

#### 4.2.6 Perbezaan Penilaian Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

*H<sub>06</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penilaian pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar.*

Jadual 14 di bawah menunjukkan perbezaan penilaian pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Berdasarkan analisis min, guru yang memiliki pengalaman mengajar kurang 1 tahun dan pengalaman mengajar 4 hingga 6 tahun mencatatkan min yang paling tinggi (min = 5.00 dan sp = 0.000). Kemudian diikuti oleh mereka yang berpengalaman mengajar 7 hingga 9 tahun (min = 4.42 dan sp = 0.513) dan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 10 tahun (min = 4.15 dan sp = 0.781).

**Jadual 14.** Perbezaan Penilaian Pengajaran Ilmu Tarannum Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah	Pengalaman Mengajar	N	Min	Sisihan Piawai
Penilaian	Kurang 1 Tahun	1	5.00	0.000
	1 hingga 3 Tahun	0	0.00	0.000
	4 hingga 6 Tahun	1	5.00	0.000
	7 hingga 9 Tahun	13	4.42	0.513
	Lebih 10 Tahun	47	4.15	0.781
<b>Keseluruhan</b>		<b>62</b>	<b>4.23</b>	<b>0.738</b>

Jadual 15 di bawah menunjukkan analisis varians sehala penilaian pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar. Keputusan analisis dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan penilaian pengajaran ilmu tarannum berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai  $F = 1.243$ ,  $\text{sig} = 0.316$  ( $p > 0.05$ ). Ini menunjukkan hipotesis nol  $H_0$  gagal ditolak. Justeru itu, pengalaman mengajar yang dimiliki oleh seseorang guru pendidikan Islam tidak memberikan kesan kepada penilaian pengajaran ilmu tarannum di sekolah rendah.

**Jadual 15.** Analisa Varians Sehala Penilaian Pengajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pemboleh ubah (Penilaian)	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan, df	Min Kuasa Dua	F	Singifikan
Antara Kumpulan	2.047	4	0.682	1.243	0.316
Dalam Kumpulan	31.324	58	0.540		
Jumlah	33.371	62			

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan amalan pengajaran guru-guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Jadual 16 di bawah menunjukkan semua hipotesis nol ( $H_01-H_06$ ) gagal ditolak.

**Jadual 16.** Hipotesis keseluruhan kajian

Pemboleh ubah	F	Signifikan	Hipotesis Nol
Matlamat	0.724	0.653	$H_01$ gagal ditolak
Objektif	1.044	0.381	$H_02$ gagal ditolak
Kaedah	1.104	0.360	$H_03$ gagal ditolak
Teknik	0.894	0.455	$H_04$ gagal ditolak
Alat bantu	1.170	0.349	$H_05$ gagal ditolak
Penilaian	1.243	0.316	$H_06$ gagal ditolak

## 5. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, hasil kajian menunjukkan bahawa amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam adalah pada tahap yang tinggi. Semua faktor amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah yang merangkumi matlamat pengajaran, objektif pengajaran, kaedah pengajaran, teknik pengajaran, alat bantu pengajaran dan penilaian pengajaran mencatatkan tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan pengajaran ilmu tarannum dalam kalangan guru pendidikan Islam di sekolah rendah berdasarkan pengalaman mengajar. Kajian yang telah dilaksanakan ini memberi implikasi kepada beberapa aspek utama dalam sistem pendidikan. Dapatan daripada kajian ini memberikan nilai yang signifikan kepada pengembangan ilmu pengetahuan sedia ada. Kajian ini juga mengesahkan model amalan pengajaran al-Quran yang diperkenalkan oleh al-Qabisi sebagai asas kepada pengukuhan amalan pengajaran ilmu tarannum bagi guru-guru pendidikan Islam di sekolah rendah. Kajian berkaitan amalan pengajaran ilmu tarannum masih perlu dijalankan secara meluas dan berterusan. Ia bertujuan untuk menilai amalan pengajaran ilmu tarannum yang diaplikasikan dan mencadangkan penambahbaikan bagi meningkatkan pencapaian dan keberkesanan pengajarannya di semua peringkat. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah dalam melaksanakan amalan pengajaran ilmu tarannum dengan memberikan tumpuan kepada faktor-faktor yang telah dibincangkan dalam kajian ini. Kajian ini mencadangkan agar amalan pengajaran ilmu tarannum lebih memberikan tumpuan dan penekanan kepada matlamat pengajaran, objektif pengajaran, kaedah pengajaran, teknik pengajaran, alat bantu mengajar, dan penilaian kepada individu terlibat. Selain itu, sumbangan pengetahuan baharu kepada literatur amalan pengajaran ilmu tarannum dapat menyokong hasrat pihak berwajib dan pengurusan sekolah dalam meningkatkan prestasi dan tahap celik al-Quran ke suatu tahap yang lebih baik.

## PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebagai salah satu keperluan bagi memenuhi syarat bergraduasi bagi program Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## PEMBIAYAAN

Kajian ini dijalankan tanpa sebarang pembiayaan khusus dan hanya menggunakan pembiayaan secara persendirian.

## SUMBANGAN PENULIS

Kedua-dua penulis bersama-sama menyumbang untuk pengumpulan data, kajian literatur, serta penulisan manuskrip kajian.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, kepengarangan dan/atau penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Abidin, M. Z. H. Z., Ismail, H., Yusof@Salleh, M. Y., Noh, A. M. M., Hassan, P., Jelani, A. B., & Ramli, W. A. (2020). Demokrasi Pendidikan Dalam Sistem Pengajian Di Institusi Pondok: Pelaksanaan Dan Amalan. *Ideology Journal*, 5(1), 74–85. <https://doi.org/10.24191/IDEALOGY.V5I1.187>
- Al-Qabisi. (1955). *Ar-Risalah Al-Mufassolah Li Ahwal Al-Mua'allimin Wal Mutaallimin*. Kaherah: Dar Ehya'al Kutub al-Arabiyyah. Diambil dari [https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=al-Qabisi+%281955%29&btnG=](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=al-Qabisi+%281955%29&btnG=)
- Khairul Latif, M., Jimain, T., Azmi Jasmi, K., & Bharu, J. (2020). Competence and Method of Teaching Tarannum Al-Quran Among Teachers of Special Class on Reading and Memorizing Al-Quran Skill (KKQ) in Johor. In *Advances in Social Science, Education and Humanities Research* (hal. 249–253). Atlantis Press. <https://doi.org/10.2991/ASSEHR.K.200130.177>
- Muhamad Nasir Mohamad Salleh, Zaharah Hussin, & Mohd Faisal Mohamed. (2020). Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran Tarannum Al-Quran: Satu Kajian Penerokaan. *JUKU: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(3), 27–38. Diambil dari <http://ojie.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/25774>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1978). *Psychometric Theory 3rd Edition. Measuring Usability*. New York: McGraw.
- Nurul Auji Hasbullah, Ahmad Sanusi Azmi, Adnan Mohamed Yusoff, & Norasikin Fabil. (2020). Ilmu Tarannum Di Malaysia: Amalan Dan Kaedah Melagukannya. In *e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020)* (hal. 13–23).
- Ramli, I., & Ab Gani, M. A. A. (2022). Kelangsungan Perbincangan Berkaitan Kesenian dan Reka Bentuk. *Ideology Journal*, 7(2), V–VI. <https://doi.org/10.24191/IDEALOGY.V7I2.359>
- Roger Watson. (2015). Quantitative research. *Nursing standard (Royal College of Nursing (Great Britain) : 1987)*, 29(31), 44–48. <https://doi.org/10.7748/NS.29.31.44.E8681>
- Roopa, S., & Rani, M. S. (2012). Questionnaire Designing for a Survey. *The Journal of Indian Orthodontic Society*, 46(4), 273–277. <https://doi.org/10.5005/jp-journals-10021-1104>
- Sedek Ariffin, Sedek Ariffin, & Zulkifli Mohd Yusoff. (2017). Mastering of Tarannum al-Quran: An Analysis on Participants of al-Quran Reciting Competition in Klang and Sepang Secondary School. *QURANICA - International Journal of Quranic Research*, 9(1), 67–92. <https://doi.org/10.22452/QURANICA.VOL9NO1.4>
- Sharil, M. S. M., Daud, N. C., & Shahaudin, H. (2022). Identifying the Teaching Aid Effect That Parents Use to Enhance Reading Skill of Their Children. *Ideology Journal*, 7(1), 71–79. <https://doi.org/10.24191/IDEALOGY.V7I1.317>
- Zetty Nurzuliana Rashed, Mariam Abd Majid, Sahlawati Abu Bakar, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan, & Muhammad Yusuf Marlon BAbdullah. (2015). Amalan Pengajaran Guru Tilawah Al-Quran: Kajian Kes Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 77–86.

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK  
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

*Setuju.*

*27.1.2023*

**SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN**  
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
KAMPUS SERI ISKANDAR

*nar*